

JAMADILAKHIR

(oleh pencinta Qalam)

Jamadilawal terbang melompat

Jamadilakhir mengambil tempat

Peredaran masa kejarlah cepat

Siapa usaha dia mendapat

Bulan berjalan tahun mengesot

Hari berlari bagai dibesut

Umur kita semakin susut

Jangan beramal barang yang kusut

Hidup kita menurut masa

Usaha ikhtiar buatlah jasa

Di dunia aman akhirat sentosa

Ingatlah diri jangan terpisia

Entahkan besok entahkan lusa

Izrail akan bertandang desa

Aniaya pun tidak ataupun paksa

Hak kita sendiri diberi rasa

Ingatlah pesan nabi sejati

Cari dunia seolah tak mati

Tuntut akhirat besok nak mati

Tamakkan dunia sayugia takuti

Ar Rahman sifat yang murah

Kepada manusia dunia diserahkan

Disuruh bekerja berbuat amarah

Tetapi jangan tak tentu arah

Quran hadis cukup menunjuk

Mencari dunia mahkota dan tajuk

Menuntut akhirat panas dan sejuk

Supaya jangan tentu rujuk

Quran menyuruh imarahkan dunia

Agama menunjuk ikhtiar nak kaya

Islam berkehendak kebesaran mulia

Tetapi jangan menipu mendaya

Demikian hadis menyampaikan khabar

Buat kebajikan di dunia yang liar

Tetapi iman jangan mengeleber

Menurut iblis sambar menyambar

Lupakan hukum Rabbal Jalal

Riba, arak disifatkan halal

Zina, judi dijadikan dalil

Bencikan yang imam dan bilal

Bencikan masjid jijikkan surau

Iman di dalam sompek dan seriau

Nasihat pertunjuk tidak dihirau

Jadilah hidup kering kemarau

Nikmat Tuhan dibuat sebarang

Meninggalkan suruh dikerjakan larang

Kubu syariat kenapa diserang?

Jadilah hidup hambanya orang

Ayuhai diri tidakkah malu

Kepada Allah Tuhan Awallu

Demikian nabi rasul penghulu

Agama dimain tidak kelu

Tidaklah segera mahu bertaubat

Ke tali Allah kembali bertambat

Mengaku kesalahan nafsu musibat

Supaya terlepas palu dan sebat

Hai diri adakah kuasa

Menahan azab neraka yang binasa

Mungkarkah kamu menanggung siksa

Kemurkaan Allah Tuhan yang Esa??

orang-orang Islam yang lain orang-orang Mukmin itu adalah seperti

satu tubuh, jika satu bahagian daripadanya mendapat sakit

maka bahagian yang lain itupun akan merasai sakit juga.

“Kita sudah sedar bahawa pada zaman ini kita tidak

boleh menguraikan masalah-masalah kebangsaan kita dengan tidak

bersatu dan bekerjasama.

Oleh itu persidangan Muktamar Al-'Alam Al-Islami ini

merayu kepada umat-umat Islam dan kerajaan-kerajaan Islam supaya

bersatu dan bekerjasama pada mempertahankan kepercayaan mereka,

umat-umat mereka, tanah suci mereka dan negeri-negeri mereka.

“Dunia patut mengetahui bahawa pertubuhan dan kesatuan

kita ialah kerana pergaulan kita sendiri dan kerana

Keamanan dunia amnya dan bukannya kerana hendak melakukan

kecerobohan ke atas sesiapa jua.”

Gambar Hadiah

Gambar diambil tatkala

Sahib As-Samahah

Al-Haj Amin Husseini

Mufti Palestin bersama-sama

dengan Abdul Wahab

Azam Bek Menteri

Utusan Mesir

di Pakistan (di tengah-tengah)

dan Menteri Utusan

Syria di Pakistan

(Sebelah kanan) tatkala bercaakap-cakap di dalam perjumpaan

Muktamar Al-'Alam Al-Islami di Karachi

